

5

Prestasi Kewangan Sektor Awam

Prestasi 1997

Tinjauan Keseluruhan

Belanjawan berhemat dan pengukuhan fiskal terus menjadi teras pengurusan kewangan sektor awam pada tahun 1997. Operasi belanjawan pada tahun 1997 bertumpu kepada usaha mencapai lebihan yang lebih besar melalui kawalan ke atas perbelanjaan penggunaan. Peningkatan perbelanjaan awam dibendung melalui kawalan ketat ke atas perbelanjaan terutamanya perbelanjaan mengurus. Bagaimanapun, pertambahan secara terpilih dibenarkan khususnya ke atas program-program yang akan menggalak dan meningkatkan pembangunan sumber manusia, kesihatan dan mutu perkhidmatan kepada orang ramai. Perbelanjaan pembangunan terus disalurkan ke arah mengembangkan keupayaan pengeluaran, membangunkan tenaga manusia mahir dan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan. Selaras dengan usaha untuk mengurangkan saiz sektor awam, kerajaan akan terus menswastakan agensi dan perkhidmatan sektor awam.

Komitmen terhadap perbelanjaan berhemat telah menghasilkan baki keseluruhan sektor awam disatukan yang lebih tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1. Hasil sektor kerajaan dijangka meningkat 8% sementara perbelanjaan mengurus dijangka bertambah 1.2%. Oleh itu, lebihan semasa dijangka lebih tinggi iaitu sebanyak RM24,867 juta. Pada masa yang sama, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dijangka mencatatkan lebihan operasi yang besar iaitu RM22,483 juta berikutan daripada prestasi hasil yang lebih kukuh. Dengan itu sektor awam dijangka mencatatkan lebihan semasa yang besar sebanyak RM47,350 juta. Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka meningkat 35.3% kepada RM41,921 juta berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK. Ini berpunca daripada pelaburan baru terutamanya

oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad (TMB), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC). Dengan itu, baki keseluruhan sektor awam dijangka mencatat lebihan sebanyak RM5,429 juta atau 2.1% daripada KDNK.

Jadual 5.1

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan (RM juta)

	1996 ¹	1997 ²	1998 ³
Akaun semasa:			
Sektor kerajaan:			
Hasil	69,931	75,559	80,975
Perbelanjaan mengurus	50,068	50,692	49,021
Baki akaun semasa	19,863	24,867	31,954
Lebihan semasa PABK ⁴	20,416	22,483	23,496
Lebihan semasa sektor awam	40,279	47,350	55,450
Akaun pembangunan:			
Perbelanjaan pembangunan	30,978	41,921	44,664
Sektor kerajaan	15,859	19,251	21,400
PABK	15,119	22,670	23,264
Baki keseluruhan	9,301	5,429	10,786
% kepada KNK	3.9	2.1	3.8

Note: ¹ anggaran sebenar
² anggaran disemak
³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1998
⁴ tidak termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh bagi tahun kelima berturut-turut semenjak tahun 1993. Ini mencerminkan komitmen yang berterusan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap dasar pengukuhan fiskal sebagai sebahagian dari strategi ekonomi makro untuk membendung tekanan permintaan dan harga. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM63,275 juta, lebih tinggi daripada anggaran belanjawan 1997 sebanyak RM61,099 juta dan meningkat 8.5% daripada hasil tahun 1996. Pertumbuhan tersebut berpunca daripada kedua-dua cukai langsung dan cukai tidak langsung. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat hanya 0.5% kepada RM44,069 juta terutamanya kerana pertambahan perbelanjaan emolumen yang rendah. Oleh itu, baki semasa dijangka mencatatkan lebihan sebanyak RM19,206 juta atau 7.3% daripada KNK berbanding dengan RM14,415 juta atau 6.1% daripada KNK pada tahun 1996. Sebaliknya, perbelanjaan pembangunan kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu 7.9% berbanding dengan 4.1% pada tahun 1996, berpunca daripada pelaksanaan lebih pesat projek-projek dibawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,650 juta, perbelanjaan pembangunan bersih berjumlah RM14,140 juta. Dengan itu, kedudukan belanjawan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan lebihan yang semakin besar sebanyak RM5,066 juta atau 1.9% daripada KNK seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka kekal kukuh berjumlah RM63,275 juta berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhannya adalah lebih rendah iaitu 8.6% berbanding dengan 14.4% pada tahun 1996. Ini disebabkan terutamanya oleh kejatuhan kutipan duti eksport petroleum kesan daripada pengurangan jumlah pengeluaran yang dieksport serta harga yang lebih rendah disamping pertumbuhan kutipan duti import yang lebih rendah hasil daripada pengurangan dan penghapusan duti import yang berterusan ke atas banyak barangan pengguna. **Hasil cukai** dijangka meningkat 10.5% kepada RM52,239 juta. Kutipan cukai langsung dijangka meningkat 14.4%


Jadual 5.2

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 1996-1998 (RM juta)

	1996 ¹	1997 ²	1998 ³
Hasil	58,280	63,275	68,058
Perbelanjaan mengurus	43,865	44,069	42,766
Baki semasa	14,415	19,206	25,292
Perbelanjaan pembangunan kasar	14,628	15,790	17,991
Terimaan balik pinjaman	2,028	1,650	1,650
Perbelanjaan pembangunan bersih	12,600	14,140	16,341
Baki keseluruhan	1,815	5,066	8,951

Nota: ¹ anggaran disemak
² anggaran Belanjawan

Carta 5.1
Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa




berbanding dengan 13.9% pada tahun 1996, sementara kadar pertambahan kutipan cukai tidak langsung adalah lebih rendah iaitu 5.8%, berbanding dengan 12.9% pada tahun 1996. Hasil cukai merupakan 82.6% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan manakala baki sebanyak RM11,036 juta atau 17.4% merupakan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Kutipan daripada cukai langsung, terutamanya cukai pendapatan dijangka meningkat 14.4% kepada RM29,567 juta dan merupakan 46.7% daripada jumlah hasil Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, hasil daripada **cukai pendapatan** dijangka sebanyak RM26,432 juta, meningkat 16.6% daripada tahun 1996. Hasil daripada **cukai pendapatan syarikat** dijangka kekal kukuh, meningkat 15.8% kepada RM16,400 juta walaupun peningkatannya lebih rendah berbanding dengan 21% pada tahun 1996. Sungguhpun kadar cukai pendapatan individu telah dikurangkan lagi dalam Belanjawan 1996, hasil daripada cukai pendapatan individu dijangka meningkat 4.8% kepada RM6,466 juta berbanding dengan kejatuhan 0.5% pada tahun 1996.

Pertambahan pengeluaran petroleum mentah dan gas asli serta kenaikan harga petroleum pada tahun 1996 telah menyumbang kepada kenaikan kutipan **cukai pendapatan petroleum** pada kadar

Carta 5.2
Peratusan Defisit / Lebihan Keseluruhan
Kepada Keluaran Negara Kasar



Jadual 5.3


Hasil Kerajaan Persekutuan

	1996		1997 ¹		1998 ²	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
Jumlah hasil	58,280	14.4	63,275	8.5	68,058	7.6
Jumlah hasil cukai	47,272	13.4	52,239	10.5	55,543	6.3
Cukai langsung	25,851	13.9	29,567	14.4	31,456	6.4
Cukai tidak langsung	21,421	12.9	22,672	5.8	24,087	6.2
Jumlah hasil bukan cukai	11,008	18.5	11,036	0.2	12,515	13.4

Nota: ¹ anggaran disemak

² anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1998

Carta 5.3
Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



55.8% dalam tahun 1997 kepada RM3,432 juta. Kutipan daripada **cukai langsung yang lain**, sebahagian besarnya terdiri daripada duti setem, duti harta pusaka dan cukai keuntungan hartanah dijangka meningkat 8.7% kepada RM3,469 juta. Bagaimanapun, kutipan daripada duti setem dijangka berkurangan sebanyak 3.7% berbanding dengan kenaikan 23.5% pada tahun 1996.

Prestasi kedua-dua komponen cukai tidak langsung iaitu duti eksport dan duti import dijangka berkurangan. Hasil daripada **duti eksport** ke atas komoditi di mana 96.3% adalah daripada petroleum dijangka merosot 4% (1996: meningkat 22%) kepada RM999 juta disebabkan jumlah eksport yang lebih rendah serta harga petroleum mentah yang berkurangan. Walaupun **duti import** ke atas beberapa barangan, bahan mentah, komponen dan peralatan telah di kurang dan dimansuhkan semasa Belanjawan 1997, kutipan daripada duti import dijangka meningkat 2.8% (1996: 9.1%) kepada RM6,303 juta.

Cukai tidak langsung bagi kegiatan ekonomi dalam negeri iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 1997. Kutipan cukai jualan dijangka berjumlah RM6,184 juta iaitu 13% lebih tinggi daripada tahun 1996. Pertumbuhan ekonomi

Jadual 5.4
Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan

	1996		1997 ¹		1998 ²	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
Cukai Pendapatan	22,661	12.3	26,432	16.6	28,236	6.8
Syarikat	14,166	21.0	16,400	15.8	17,950	9.5
Individu	6,172	-0.5	6,466	4.8	6,989	8.1
Petroleum	2,203	0.8	3,432	55.8	3,147	-8.3
Koperasi	130	34.8	134	11.7	150	11.9
Lain-lain	3,190	26.8	3,135	-1.7	3,220	2.7
Duti setem	2,708	23.5	2,607	-3.7	2,670	2.4
Lain-lain	482	48.8	528	9.5	550	4.2
JUMLAH	25,851	25.9	29,567	14.4	31,456	6.4

Nota: ¹ anggaran disemak

² anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru 1998

yang berterusan dan permintaan dalam negeri yang kukuh telah meningkatkan hasil daripada cukai jualan walaupun cukai jualan ke atas beberapa jenis input bagi keluaran terpilih telah dimansuhkan dalam Belanjawan 1997. Daripada jumlah tersebut, 31.8% atau RM1,967 juta dijangka dapat dikutip daripada cukai ke atas barang-barang import manakala 68.2% atau RM4,217 juta dijangka dapat diperolehi daripada cukai ke atas barang-barang keluaran tempatan, mencerminkan pertumbuhan industri dalam negeri yang masih kukuh. Dengan pengenaan cukai perkhidmatan sebanyak RM50 setahun bagi setiap kad ke atas semua jenis kad kredit serta peningkatan yang berterusan dalam aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan dan perkhidmatan yang dikenakan cukai, hasil daripada cukai perkhidmatan dijangka meningkat 15.3% kepada RM1,419 juta. Hasil daripada duti eksais pada tahun 1997 dijangka bertambah 4.3% kepada RM6,039 juta berbanding dengan pertumbuhan 9.7% pada tahun 1996.

Hasil bukan cukai dijangka menyumbang sebanyak RM10,415 juta dan merupakan 16.4% daripada jumlah hasil pada tahun 1997. Ini adalah berpunca sebahagian besarnya daripada bayaran dividen PETRONAS dan kutipan yang lebih tinggi daripada cukai jalan yang dijangka meningkat

9.4% kepada RM1,736 juta. Peningkatan kutipan cukai jalan adalah selaras dengan pertambahan pesat bilangan kenderaan bermotor yang didaftarkan di negara ini. Hasil daripada levi ke atas pekerja asing dijangka meningkat kepada RM1,098 juta berikutan kajian semula kadar levi serta penguatkuasaan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa. Penswastaan/penjualan beberapa syarikat milik kerajaan telah mengakibatkan kutipan hasil dalam bentuk dividen berkurangan. Bagaimanapun, dividen daripada PETRONAS dijangka masih kekal sebanyak RM3,100 juta manakala terimaan daripada faedah dan pulangan keatas pelaburan dijangka berjumlah RM270 juta.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sedikit sahaja iaitu 0.5% kepada RM44,069 berbanding dengan pertumbuhan 19.9%, pada tahun 1996 seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.6. Ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk membendung perbelanjaan. Diantara kategori utama perbelanjaan mengurus, hanya perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta pencen dan ganjaran dijangka lebih tinggi daripada paras tahun

Jadual 5.5
Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan

	1996		1997 ¹		1998 ²	
	RM juta	% Perubahan	RM juta	% Perubahan	RM juta	% Perubahan
Duti eksport	1,041	22.0	999	-4.0	978	-2.1
Duti import	6,132	9.1	6,303	2.8	6,540	3.8
Duti eksais	5,790	9.7	6,039	4.3	6,400	6.0
Cukai jualan	5,473	12.4	6,184	13.0	6,669	7.8
Cukai perkhidmatan	1,231	21.2	1,419	15.3	1,645	15.9
Lain-lain	1,754	31.7	1,728	-1.5	1,855	7.3
JUMLAH	21,421	12.9	22,672	5.8	24,087	6.2

Nota: ¹ anggaran disemak

² anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1998

1996. Perbelanjaan bagi emolumen dan bayaran khidmat hutang, iaitu dua lagi kategori utama perbelanjaan, dijangka lebih rendah. Perbelanjaan emolumen, yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus, dijangka berkurangan 9.1% kepada RM14,807 juta berbanding dengan pertambahan 24.3% pada tahun 1996.


Bayaran khidmat hutang kekal menjadi komponen kedua terbesar iaitu 14.7% daripada perbelanjaan mengurus tetapi dijangka berkurangan 4.9% kepada RM6,463 juta. Ini disebabkan oleh jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang semakin berkurangan berikutan daripada bayaran balik awal yang telah dibuat semenjak tahun 1987. Hasil daripada pengurusan hutang yang berhati-hati bagi mengurangkan pendedahan luar dengan meningkatkan pergantungan kepada pasaran dalam negara untuk memperolehi pembiayaan, bayaran khidmat hutang dalam negeri kini merupakan 90.9% daripada jumlah bayaran khidmat hutang berbanding dengan 88.5% pada tahun 1996. Sebaliknya bayaran khidmat hutang luar negeri dijangka berkurangan 0.8%.

Jadual 5.6

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek (RM juta)

	1997 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1998 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Emolumen	14,807	33.6	14,743	34.5
Bayaran khidmat hutang	6,463	14.7	6,164	14.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	1,525	3.5	1,616	3.8
Pencen dan ganjaran	3,515	8.1	3,635	8.5
Bekalan dan perkhidmatan	6,309	14.3	6,474	15.1
Subsidi	934	2.1	895	2.1
Lain-lain	10,456	23.7	9,239	21.6
JUMLAH	44,069	100.0	42,766	100.0

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



Perbelanjaan keatas **bekalan dan perkhidmatan** dijangka bertambah 11.2% kepada RM6,309 juta berbanding dengan kejatuhan 4.6% pada tahun 1996. Peningkatan yang lebih tinggi ini disebabkan perbelanjaan yang lebih besar bagi bekalan bahan-bahan, bayaran perkhidmatan, pengangkutan dan sewaan yang dijangka meningkat 31.7% kepada RM4,690 juta pada tahun 1997. Perbelanjaan keatas **pencen dan ganjaran** dijangka mencatatkan pertumbuhan perlahan iaitu 1.9% kepada RM3,575 juta pada tahun 1997 selepas meningkat sebanyak 27.4% pada tahun 1996, kerana bayaran bagi pelarasan gaji telahpun selesai pada tahun 1996. Jumlah tersebut juga termasuk RM820 juta sumbangan tahunan kepada Tabung Amanah Pencen.

Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dijangka meningkat 5.1% kepada RM1,525 juta pada tahun 1997, disebabkan peruntukan yang lebih tinggi disediakan bagi pemberian penyelenggaraan jalan, pemberian mengikut kiraan kepala dan pemberian bagi jabatan gunasama. Pemberian penyelenggaraan jalan masih merupakan komponen terbesar kategori ini, berjumlah RM516 juta atau 33.8% daripada jumlah pemberian, memandangkan semakin banyak jalan diliputi di bawah pemberian tersebut. Pemberian mengikut kiraan kepala dan pemberian bagi jabatan gunasama berjumlah RM202 juta dan RM182 juta atau 13.2% dan 12% daripada jumlah pemberian. Perbelanjaan bagi **subsidi** dijangka bertambah 9.9% kepada RM934 juta. Sebahagian besar jumlah ini adalah untuk subsidi bahan petroleum dan skim baja padi. Subsidi bahan petroleum, dijangka meningkat daripada RM180 juta pada tahun 1996 kepada RM228 juta pada tahun 1997, manakala subsidi baja padi akan bertambah daripada RM90 juta kepada RM133 juta dalam tempoh yang sama.

Dari segi pembahagian mengikut sektor, jumlah perbelanjaan bagi semua kategori kecil kecuali pentadbiran am dijangka berkurangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.7. Perbelanjaan yang paling besar adalah bagi sektor **perkhidmatan sosial** yang dijangka berkurangan 0.3% kepada RM14,779 juta, dan merupakan 33.5% daripada perbelanjaan. Sebanyak 90.4% daripada perbelanjaan ini adalah untuk sektor kecil pendidikan dan sektor kecil kesihatan. Sejumlah RM10,124 juta atau 68.5% adalah untuk pendidikan sementara RM3,239 juta atau 21.9% adalah untuk kesihatan. Perbelanjaan ini sebahagian besarnya adalah untuk bayaran emolumen guru dan

Jadual 5.7

**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor
(RM juta)**

	1997 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1998 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Keselamatan	6,419	14.6	6,253	14.6
Pertahanan	3,798	8.6	3,737	8.7
Keselamatan dalam negeri	2,621	6.0	2,516	5.9
Perkhidmatan Sosial	14,779	33.5	15,373	35.9
Pendidikan	10,124	22.9	10,383	24.8
Kesihatan	3,239	7.4	3,516	8.2
Perumahan	164	0.4	102	0.2
Lain-lain	1,252	2.8	1,372	3.2
Perkhidmatan Ekonomi	4,273	9.7	4,039	9.5
Pertanian	1,296	2.9	1,182	2.8
Kemudahan awam	105	0.2	110	0.2
Perdagangan dan perindustrian	1,278	2.9	1,395	3.3
Pengangkutan	1,529	3.5	1,279	3.0
Perhubungan	32	0.1	38	0.1
Lain-lain	34	0.1	35	0.1
Pentadbiran am	6,016	13.7	4,743	11.1
Lain-lain	12,583	28.6	12,358	28.9
JUMLAH	44,069	100.0	42,766	100.0

kakitangan perubatan serta untuk bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan bagi sektor **perkhidmatan ekonomi** juga dijangka berkurangan 0.3% kepada RM4,273 juta. Di bawah sektor ekonomi, sektor kecil pengangkutan merupakan sektor yang paling besar dengan 35.8%, diikuti oleh sektor kecil pertanian dan pembangunan luar bandar 30.3% dan sektor kecil perdagangan dan perindustrian 29.9%. Perbelanjaan bagi sektor **keselamatan** yang merupakan 14.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 3.1% kepada RM6,419 juta dan sebahagian besar daripada jumlah ini adalah untuk bekalan dan perkhidmatan serta emolumen. Daripada jumlah tersebut, 59.2% adalah untuk sektor kecil pertahanan manakala bakinya untuk keselamatan dalam negeri. Selaras dengan penekanan kerajaan

bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan dan meluaskan penggunaan teknologi maklumat, perbelanjaan bagi **pentadbiran am** dijangka meningkat 16% kepada RM6,016 juta atau 13.7% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dalam tahun 1997 berbanding dengan 11.8% pada tahun 1996.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan pada tahun 1997 terus memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran ekonomi. Jumlah perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat 7.9% kepada RM15,790 juta. Pertambahan yang besar dijangka dicatatkan bagi kebanyakan sektor kecil terutamanya perumahan, kemudahan awam, kesihatan dan perdagangan dan perindustrian. Ini menunjukkan perbelanjaan yang lebih tinggi disalurkan kepada projek-projek yang boleh mengembangkan asas ekonomi dan mempertingkatkan infrastruktur kemudahan awam bagi memastikan tahap pertumbuhan ekonomi negara dapat dikekalkan.

Sebanyak 33% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan akan digunakan untuk projek-projek infrastruktur, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.8. Sektor kecil pengangkutan akan membelanjakan sejumlah RM4,162 juta. Sebahagian besar daripada jumlah ini atau RM3,000 juta adalah untuk jalan dan jambatan manakala RM899 juta lagi adalah untuk pengangkutan keretapi. Di bawah projek jalan, sejumlah RM2,438 juta adalah untuk jalan dan jambatan di kawasan bandar manakala sebanyak RM482 juta adalah untuk jalan-jalan luar bandar. Selain itu, pembinaan jalan akan terus dipercepatkan menerusi penswastaan. Ini termasuklah pembinaan Lebuhraya Bertingkat, Lebuhraya KL-Karak, Lebuhraya Damansara-Puchong-Putrajaya dan jalan Cheras-Kajang. Bagi sektor kecil lain, kemudahan di lapangan terbang akan dipertingkatkan khususnya di Pulau Tioman, Langkawi dan Tawau bagi memenuhi keperluan bilangan penumpang yang dijangka meningkat. Program kemudahan awam yang meliputi penyediaan bekalan air dan elektrik, dijangka menelan belanja sebanyak RM942 juta, dimana 81.7% adalah untuk bekalan air manakala 18.3% untuk bekalan elektrik, khususnya program bekalan elektrik di kawasan luar bandar.

Jadual 5.8



Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Ekonomi (RM juta)

	1997		1998	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan belanjawan	% Sumbangan
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,237	16.1	1,262	14.3
Kemudahan awam	942	12.3	1,189	13.5
Perdagangan dan perindustrian	1,306	17.0	1,532	17.3
Pengangkutan	4,162	54.2	4,800	54.4
Perhubungan	5	0.1	16	0.2
Lain-lain	28	0.3	29	0.3
JUMLAH	7,680	100.0	8,828	100.0

Di bawah sektor pertanian, sejumlah RM1,237 juta akan dibelanjakan untuk aktiviti pertanian dan pembangunan luar bandar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.9. Ini menunjukkan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Tumpuan akan terus dijuruskan kearah mempertingkatkan produktiviti dan menggalakkan amalan pertanian moden. Program pembangunan tanah, pembangunan pertanian bersepadu, pengairan dan saliran akan menggunakan 60.1% daripada perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Program lain termasuklah penanaman semula getah, industri ternakan, perikanan dan perhutanan.

Sejumlah RM1,306 juta atau 17% daripada peruntukan sektor perkhidmatan ekonomi akan diberi untuk program perdagangan dan perindustrian, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.10. Daripada jumlah tersebut, RM576 juta atau 44.1% adalah untuk pembangunan perindustrian, sebahagian besarnya dalam bentuk pinjaman dan pemberian kepada agensi-agensi kerajaan dan PABK. Selain daripada itu, kerajaan akan terus memberikan penekanan terhadap infrastruktur teknologi serta penyelidikan dan pembangunan bagi membantu pembangunan keupayaan teknologi perindustrian negara. Bagi tujuan ini, RM166 juta akan dibelanjakan untuk

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor



Jadual 5.9

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan bagi Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar
(RM juta)**

	1997		1998	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian	346	27.9	355	28.1
Pembangunan Tanah	153	12.4	70	5.6
Pengairan dan saliran	245	19.8	346	27.4
Tanaman semula getah	179	14.5	119	9.4
Perikanan	105	8.5	115	9.1
Ternakan	38	3.1	48	3.8
Perhutanan	33	2.7	44	3.5
Lain-lain	138	11.1	165	13.1
JUMLAH	1,237	100.0	1,262	100.0

Jadual 5.10

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan bagi Program Perdagangan
dan Perindustrian
(RM juta)**

	1997		1998	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pembangunan perindustrian	576	44.1	578	37.7
Pelancongan	490	37.5	144	9.4
Penyelidikan perindustrian	166	12.7	740	48.3
Lain-lain	74	5.7	70	4.6
JUMLAH	1,306	100.0	1,532	100.0

penyelidikan perindustrian, khususnya untuk membangun dan memperdagangkan hasil penyelidikan oleh agensi penyelidikan sektor awam dan universiti yang belum diusahakan sepenuhnya.

Perbelanjaan pembangunan bagi sektor perkhidmatan sosial dijangka bertambah 18.1%, dengan pendidikan mendapat jumlah terbesar, diikuti oleh perkhidmatan kesihatan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.11. Perbelanjaan keatas pendidikan dijangka bertambah 2.9% kepada RM2,235 juta berbanding dengan peningkatan 2.4% pada tahun 1996, mencerminkan usaha kerajaan untuk menambah bilangan tenaga kerja mahir dan berkualiti bagi memenuhi keperluan negara. Sebahagian besar daripada perbelanjaan tersebut adalah untuk meningkatkan keupayaan institusi yang sedia ada seperti politeknik, sekolah teknik dan institusi pelajaran tinggi. Pembangunan sektor kesihatan dijangka menelan belanja sebanyak RM521 juta terutamanya untuk mempertingkatkan mutu kesihatan dan kualiti hidup rakyat. Perkhidmatan kesihatan akan terus diperkembangkan, khususnya di kawasan luar bandar, bagi meningkatkan kemudahan kesihatan yang lebih baik untuk golongan berpendapatan rendah.

Peruntukan bagi perumahan terus diberi penekanan. Dalam tahun 1997, sejumlah RM828 juta dijangka dibelanjakan untuk sektor kecil perumahan, iaitu bertambah 65.2% daripada tahun 1996. Perbelanjaan bagi program perumahan angkatan tentera dan anggota polis berjumlah RM479 juta sementara perbelanjaan bagi rumah guru di kawasan luar bandar berjumlah RM90 juta. Sebanyak RM63 juta lagi adalah untuk program perumahan kos rendah. Program-program lain di bawah sektor perkhidmatan sosial seperti penerangan dan penyiaran, kebudayaan dan sukan dan perkhidmatan sosial yang lain dijangka akan menggunakan 23.8% daripada jumlah perbelanjaan sektor perkhidmatan sosial.

Perbelanjaan bagi sektor keselamatan dijangka meningkat 2.5% kepada RM2,498 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2,098 juta atau 84% dijangka dibelanjakan untuk sektor kecil pertahanan bagi memodenkan angkatan tentera sementara bakinya sebanyak RM401 juta adalah untuk keselamatan dalam negeri, khususnya untuk Polis DiRaja Malaysia bagi membeli peralatan dan membina balai polis dan pusat latihan.

Jadual 5.11

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Sosial (RM juta)

	1997		1998	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pendidikan	2,235	47.5	3,044	51.7
Kesihatan	521	11.1	743	12.6
Perumahan	828	17.6	750	12.7
Lain-lain	1,120	23.8	1,353	23.0
JUMLAH	4,704	100.0	5,890	100.0


Perbelanjaan bagi pentadbiran am dijangka meningkat daripada RM513 juta pada tahun 1996 kepada RM907 juta pada tahun 1997. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM877 juta adalah untuk pembangunan perkhidmatan jabatan, pembinaan bangunan pejabat dan pembelian peralatan sementara bakinya adalah untuk perkhidmatan luar negeri.

Pembiayaan

Dalam tahun 1997, operasi Kerajaan Persekutuan dijangka dapat dibiayai sepenuhnya daripada kutipan hasil. Pertumbuhan hasil yang kukuh dan amalan perbelanjaan berhemat oleh kerajaan dijangka dapat menghasilkan lebih sekali lagi dalam akaun Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan berjumlah RM5.1 bilion (1996: RM1.8 bilion). Dengan kedudukan kewangan yang terus kukuh, Kerajaan Persekutuan tidak perlu mendapatkan pinjaman dalam tahun 1997.

Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan fungsi kewangannya terutama bagi memenuhi permintaan untuk kertas hutang kerajaan serta sebagai langkah mengawal lebihan kecairan dalam sistem kewangan dan juga untuk tujuan pengurusan hutang, Kerajaan Persekutuan dijangka akan memperolehi sebanyak RM5,100 juta dalam tahun 1997 melalui pengeluaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Dari jumlah ini, sebanyak RM5,048 juta adalah untuk menebus instrumen sedia ada dalam tahun semasa yang terdiri dari SKM sebanyak RM3,648 juta dan Sijil Pelaburan (SP)

Carta 5.6
Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah
Ke Atas Hutang Kerajaan Persekutuan



sebanyak RM1,400 juta. Tiada terbitan baru untuk Bil Perbendaharaan dan Sijil Pelaburan dikeluarkan dalam tahun 1997. Jumlah bersih pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1997 berjumlah RM52 juta berbanding dengan RM1,291 juta pada tahun 1996.

Kerajaan akan terus meminimalkan pendedahan kepada risiko-risiko pertukaran asing dan kadar faedah melalui pendekatan berhati-hati memandangkan kedudukan semasa ringgit berbanding dengan mata wang asing. Kedudukan kewangan yang kukuh juga memudahkan Kerajaan untuk membuat bayaran balik awal hutang. Dalam tahun 1997, Kerajaan telah membuat bayaran balik awal hutang bagi pinjaman projek berjumlah RM742 juta dan pinjaman pasaran berjumlah RM178 juta. Dari segi pinjaman kasar, selain daripada pinjaman pasaran, pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah berpunca daripada pengeluaran berjadual pinjaman projek berjumlah

RM470 juta. Oleh yang demikian, pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil sebanyak RM1,466 juta berbanding dengan RM2,177 juta dalam tahun 1996.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri dalam tahun 1997 dijangka lemah kerana baki keseluruhan terus bertambah buruk dari defisit RM911 juta dalam tahun 1996 kepada defisit yang lebih besar sebanyak RM1,526 juta dalam tahun 1997. **Kutipan hasil** dijangka meningkat 1.3% selepas mencatatkan kenaikan 8.6% dalam tahun

Jadual 5.12

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan (RM juta)

	1996 ¹	% Perubahan	1997 ²	% Perubahan
Akaun semasa				
Hasil	8,425	8.6	8,533	1.3
Perbelanjaan mengurus	5,073	21.7	5,111	0.7
Baki akaun semasa	3,352	-6.6	3,422	2.1
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,594	14.8	5,266	14.6
Kumpulan wang pembangunan	4,042	19.1	4,663	15.4
Kumpulan wang bekalan air	552	-9.2	603	9.2
Terimaan balik pinjaman	331	-37.4	318	-3.9
Perbelanjaan pembangunan bersih	4,263	22.7	4,948	16.1
Defisit keseluruhan	-911		-1,526	

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran.

1996. Perbelanjaan mengurus juga dijangka meningkat 0.7% dan membawa kepada lebih akaun semasa sebanyak RM3,422 juta berbanding dengan RM3,352 juta dalam tahun 1996. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat 16.1% berbanding dengan 22.7% dalam tahun 1996, menjadikan defisit keseluruhan kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan bertambah besar.

Jumlah hasil kerajaan negeri dijangka merosot berbanding dengan prestasi tahun 1996 disebabkan sumbangan hasil daripada sumber sendiri dijangka lebih rendah. Hasil kerajaan negeri daripada **sumber sendiri** dijangka meningkat 0.6% kepada RM6,948 juta dalam tahun 1997 atau 81.4% daripada jumlah terimaan kerajaan negeri berbanding dengan kenaikan sebanyak 9.7% dalam tahun 1996. Hasil daripada sumber sendiri terdiri terutamanya daripada hasil berasaskan tanah dan perhutanan. Bagi negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu yang kaya dengan sumber petroleum, royalti petroleum merupakan penyumbang utama kepada hasil negeri. Empat negeri dijangka mencatatkan kutipan hasil yang lebih tinggi iaitu Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak sementara negeri-negeri lain dijangka mencatatkan kutipan hasil yang rendah. Ini adalah disebabkan kutipan hasil yang berkurangan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai. Hasil cukai yang terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung, merupakan 20.2% daripada jumlah terimaan hasil negeri dan dijangka meningkat sebanyak 2.3% kepada RM1,725 juta (1996: RM1,687 juta). Hasil bukan cukai yang terdiri daripada bayaran lesen, royalti dan perkhidmatan, premium tanah dan pulangan daripada pelaburan merupakan 65.6% dari jumlah terimaan negeri, dan ianya dijangka meningkat sebanyak 3.5% kepada RM5,594 juta dalam tahun 1997 (1996: RM5,406 juta).

Lain-lain hasil kerajaan negeri terdiri daripada **geran dan bayaran ganti** Kerajaan Persekutuan. Sumbangan geran dan bayaran ganti Kerajaan Persekutuan kepada hasil kerajaan negeri mungkin kecil bagi sesetengah negeri tetapi bagi sesetengah negeri yang lain ia menyumbangkan sehingga 60% kepada hasil negeri. Secara keseluruhan, jumlah geran yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 5.1% kepada RM1,525 juta dalam tahun 1997 berbanding dengan RM1,451 juta dalam tahun 1996. Kenaikan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan dalam geran penyenggaraan jalan. Komponen

utama geran kepada kerajaan negeri ialah geran penyenggaraan jalan (RM516 juta), geran mengikut kiraan kepala (RM202 juta) dan geran pertumbuhan hasil (RM147 juta). Bayaran ganti dari Kerajaan Persekutuan dijangka rendah dalam tahun 1997 berjumlah RM60 juta berbanding dengan RM69 juta dalam tahun 1996.

Hasil petroleum dan hasil berasaskan perhutanan kekal sebagai hasil berasaskan sumber yang terbesar kepada kerajaan negeri dan mencatatkan kira-kira 37.7% daripada hasil sumber sendiri kerajaan negeri (1996: 34.3%). Bagi sesetengah negeri, sumbangannya adalah lebih tinggi sehingga 79% bagi tahun 1997. Royalti petroleum dijangka merosot 10.3% kepada RM608 juta dalam tahun 1997 (1996: RM678 juta) disebabkan jangkaan harga minyak mentah yang rendah dalam tahun 1997. Terengganu dijangka menerima royalti petroleum sebanyak RM416 juta, menyumbangkan 76.3% kepada hasil negeri. Bagi Sabah pula, royalti petroleum berjumlah RM60 juta atau 3.9% daripada hasil negeri sementara bagi Sarawak RM132 juta atau 5.9% daripada hasil negeri. Hasil berasaskan perhutanan dijangka meningkat daripada RM1,529 juta dalam tahun 1996 kepada RM1,859 juta dalam tahun 1997. Oleh yang demikian, sumbangannya kepada jumlah hasil sumber sendiri negeri meningkat 26.8% (1996: 22.1%). Bagi Sabah dan Sarawak, dimana hasil berasaskan perhutanan adalah besar, hasil daripada sumber ini meningkat 50.1% kepada RM770 juta (1996: RM513 juta) bagi Sabah, sementara bagi Sarawak ianya dijangka meningkat kepada RM970 juta disebabkan pengeluaran kayu gergaji yang tinggi hasil daripada kerja-kerja pembersihan kawasan untuk projek hidroelektrik Bakun.

Jumlah perbelanjaan kerajaan negeri dijangka meningkat 7.7% dalam tahun 1997. **Perbelanjaan mengurus** dijangka meningkat sedikit sebanyak 0.7% kepada RM5,111 juta (1996: RM5,073 juta). Emolumen yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus bagi semua negeri (30.3%), dijangka merosot sebanyak 4.8% dalam tahun 1997 (1996: 32.7%). Perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 17.9% kepada RM1,703 juta. **Perbelanjaan pembangunan** kerajaan negeri dijangka terus meningkat dalam tahun 1997 sebanyak 16.1% kepada RM4,948 juta. Sebagai usaha untuk menyediakan rumah yang mencukupi, bermutu dan mampu dimiliki, kerajaan negeri terus

memperuntukkan perbelanjaan untuk perumahan khususnya untuk kumpulan berpendapatan rendah. Dalam tahun 1997 perbelanjaan untuk perumahan dianggarkan berjumlah RM378 juta (1996: RM364 juta). Perbelanjaan untuk bekalan air meningkat 9.2% kepada RM603 juta terutamanya disebabkan oleh pembaikan perkhidmatan bekalan air bagi membantu pertumbuhan industri dan pengguna individu.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Dalam tahun 1997, prestasi kewangan disatukan bagi **28 Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)** dijangka mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sekali lagi dengan lebih akaun semasa dianggarkan sebanyak RM22,856 juta atau 8.7% daripada KNK (1996: RM20,789 juta) (lihat Jadual 5.13). Jumlah hasil disatukan dijangka meningkat 5.8% kepada RM65,543 juta (1996: RM61,923 juta) atau 25% daripada KNK. PETRONAS, TNB dan TMB merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah hasil PABK dalam tahun 1997 iaitu sebanyak 67.5% (1996: 69.6%).

Jumlah **perbelanjaan semasa** meningkat 3.8% kepada RM42,687 juta atau 16.3% daripada KNK (1996: RM41,134 juta). Kenaikan ini disebabkan oleh perbelanjaan yang tinggi untuk memperkembangkan perniagaan, kos pengeluaran yang lebih besar dan juga perbelanjaan khidmat hutang yang tinggi akibat daripada pinjaman yang besar oleh PABK, terutamanya dari sumber luar, untuk membiayai pelaburan modal termasuk untuk perbelanjaan pelaburan luar negeri. Khidmat hutang oleh PABK dijangka lebih tinggi dalam tahun 1997 disebabkan oleh jumlah pinjaman yang besar dan juga kesan daripada kemerosotan ringgit terhadap matawang utama. Khidmat hutang dianggarkan lebih kurang RM2.8 bilion atau 6.6% dari jumlah perbelanjaan mengurus PABK.

Perbelanjaan pembangunan oleh PABK dijangka meningkat lagi dalam tahun 1997 sebanyak 49.9% kepada RM22,670 juta atau 8.6% daripada KNK, terutama bagi tujuan pengembangan kapasiti dan program permodenan beberapa PABK terutamanya yang terlibat dalam infrastruktur dan kemudahan awam, sektor minyak dan gas dan juga sektor perkilangan. PABK yang besar seperti PETRONAS, TNB, TMB dan MISC mencatatkan perbelanjaan modal terbesar berjumlah RM20,410 juta atau 47.8% daripada jumlah

Jadual 5.13

Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹ 1996 - 1997 (RM juta)

	1996	% perubahan	1997	% perubahan
Hasil ²	61,923	17.5	65,543	5.8
Perbelanjaan semasa	41,134	15.8	42,687	3.8
Pendapatan tertangguh	20,789		22,856	
Perbelanjaan pembangunan	15,119	8.6	22,670	49.9
Baki keseluruhan	5,670		185	

¹ Merujuk kepada 31 PABK dalam tahun 1996 dan 28 dalam tahun 1997 (PERNAS Edar, PERNAS International Hotel dan PERNAS Trading telah dikeluarkan dari senarai selepas penswastaannya)

² Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

perbelanjaan pembangunan PABK dalam tahun 1997 (1996: 31.2% atau RM12,828 juta). TNB dijangka akan melabur lagi dalam projek pengeluaran tenaga, penghantaran dan pengagihan di dalam negeri dan juga di dalam projek pengeluaran tenaga di Bosnia dan Pakistan. TMB juga dijangka membuat pelaburan tambahan untuk mengukuhkan lagi rangkaian tempatannya dan juga membuat pelaburan bagi infrastruktur, switching, penghantaran dan telekomunikasi untuk projek MSC. Dengan pelaburan modal yang besar ini, keseluruhan akaun PABK disatukan dijangka mencatatkan lebih yang kecil sebanyak RM185 juta dalam tahun 1997 berbanding dengan lebih sebanyak RM5,670 juta dalam tahun 1996.

Pelaburan modal yang besar oleh PABK sebahagian besarnya dibiayai melalui pinjaman luar disamping pinjaman dalam negeri dan dana dalaman. Dalam tahun 1997, jumlah pinjaman luar bersih PABK dianggarkan meningkat sebanyak 144% kepada RM7,045 juta (1996: RM2,844 juta), sebahagian besarnya diperolehi melalui terbitan bon dan pinjaman luar persisir oleh PABK yang besar (TNB, PETRONAS dan TMB). Dengan ini, jumlah hutang luar PABK dijangka meningkat 14.9% kepada RM33,600 juta (1996: RM29,237 juta). Kerajaan akan terus mengawasi aktiviti

pelaburan dan pinjaman oleh PABK bagi memastikan ianya selaras dengan dasar fiskal berhemat kerajaan.


Kerajaan akan terus menswastakan dan mengkorporatkan entiti dan projek kerajaan di bawah program penswastan sebagai cara untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan beban kewangan kerajaan. Dalam tahun 1997, Pemas International Hotel and Properties (PIHP) telah membeli semua anak syarikat PERNAS Holding melalui MBO. Selain daripada itu, entiti kerajaan yang diswastakan dalam tahun 1997 ialah Lembaga Letrik Sabah (LLS). LLS telah dijual kepada konsortium yang diketuai oleh TNB. Antara projek utama yang diswastakan dalam tahun 1997 termasuk projek Express Rail Link (ERL) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang ke KL Sentral Station di Kuala Lumpur yang menelan belanja RM1.79 bilion dan projek Lebuhraya Kajang-Seremban (KASEH) berjumlah RM1.35 juta. Selain daripada itu, tiga agensi kerajaan telah diperbadankan dalam tahun 1997 iaitu Universiti Malaya, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan Akademi Laut Malaysia (ALAM).

Hutang Negara

Pergantungan kepada pembiayaan luar oleh PABK dan sektor swasta telah membawa kepada peningkatan dalam **hutang negara** sebanyak 11% kepada RM79,781 juta (1996: RM71,907 juta). Walau bagaimanapun, peratusannya kepada KNK meningkat sedikit daripada 30.2% dalam tahun 1996 kepada 30.4% dalam tahun 1997.

Hutang luar **sektor awam** yang terdiri daripada hutang luar Kerajaan Persekutuan dan PABK dijangka meningkat sebanyak 7% kepada RM42,481 juta (1996: RM39,707 juta). Hutang luar Kerajaan Persekutuan yang merupakan 20.9% daripada jumlah hutang luar sektor awam berbanding dengan 26.4% dalam tahun 1996, dijangka berkurangan sebanyak 15.2% kepada RM8,881 juta (1996: RM10,470 juta). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh program bayaran balik awal hutang yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Jika dibandingkan dengan hutang negara, hutang luar Kerajaan Persekutuan merupakan 11.1% daripada jumlah hutang negara dalam tahun 1997 (1996: 14.6%). Sementara itu peningkatan pinjaman luar oleh PABK yang

Carta 5.7
Hutang Kerajaan Persekutuan



berterusan dengan kadar purata 16% bagi tempoh 1992-1997 telah menyebabkan hutang luar PABK meningkat 14.9% kepada RM33,600 juta (1996: RM29,237 juta). Oleh yang demikian, kenaikan hutang sektor awam adalah disebabkan semata-mata oleh peningkatan hutang luar PABK yang tinggi. Sektor awam menyumbang 53.2% daripada jumlah hutang negara.

Hutang luar **sektor swasta** meningkat dari 14.8% dalam tahun 1996 kepada 15.8% iaitu lebih tinggi sedikit dari kadar peningkatan hutang luar PABK sebanyak 14.9%. Dari segi nilai sebenar, kenaikan ini adalah yang terbesar di antara komponen hutang negara. Dalam tempoh enam tahun, hutang luar sektor swasta telah meningkat kepada hampir separuh dari jumlah hutang negara berbanding dengan hanya 15.4 % dalam tahun 1991.


Perubahan struktur tanggungan luar adalah jelas daripada hakikat bahawa 89% daripada hutang luar adalah hutang luar PABK (42.1%) dan sektor

swasta (46.8%). Dalam tahun 1991 kedua-dua sektor ini hanya mencatatkan 42% dari hutang luar. Sebaliknya, hutang luar Kerajaan Persekutuan telah berkurangan sejak tahun 1986.

Hutang luar adalah dalam denominasi berbagai matawang asing terutamanya dolar AS, yen Jepun dan berbagai mata wang Eropah. Dengan kemerosotan nilai ringgit, kerugian kadar pertukaran kepada hutang negara dianggarkan sebanyak 1.9% dari KNK.

Dengan kenaikan hutang negara, **khidmat hutang** juga dijangka meningkat kepada RM16,153 juta dalam tahun 1997 (1996: RM15,974 juta). Daripada jumlah ini sebanyak RM4,098 juta atau 25.4% adalah untuk bayaran faedah, RM11,135 juta atau 68.9% untuk bayaran balik dan RM920 juta atau 5.7% untuk bayaran balik awal. Bayaran faedah dijangka lebih tinggi dalam tahun 1997 disebabkan oleh pinjaman yang besar dan kesan dari penurunan nilai ringgit terhadap mata wang utama. Kenaikan bayaran balik hutang adalah disebabkan oleh jumlah hutang yang matang adalah besar dalam tahun 1997. **Nisbah khidmat hutang negara** dijangka meningkat kepada kira-kira 6.0% berbanding dengan 5.7% dalam tahun 1996.


Carta 5.8
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Sumber



Jadual 5.14
Hutang Negara

	1996			1997		
	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan
Sektor Awam	39,707	-2.5	55.2	42,481	7.0	53.2
Kerajaan Persekutuan	10,470	-21.5	14.6	8,881	-15.2	11.1
PABK	29,237	6.7	40.7	33,600	14.9	42.1
Dijamin	6,547	-26.1	9.1	7,049	7.7	8.8
Tidak dijamin	22,690	22.4	31.6	26,551	17.0	33.3
Sektor swasta	32,200	14.8	44.8	37,300	15.8	46.8
JUMLAH	71,907	4.5	100	79,781	11.0	100

Carta 5.9
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang



terbesar (50.8%) daripada jumlah hutang luar Kerajaan Persekutuan. Baki hutang sebanyak 49.2% lagi adalah pinjaman projek. Dalam tahun 1987, apabila Kerajaan mula menjalankan program bayaran balik awal, 17.8% daripada hutang Kerajaan Persekutuan adalah terdiri daripada pinjaman projek dan 68.6% adalah pinjaman pasaran. Dari segi profil matawang, pegangan hutang dalam dolar AS adalah yang terbesar iaitu 57.5% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (1996: 47.8%), bersamaan dengan RM5,103 juta. Walau bagaimanapun, pegangan dalam yen dijangka merosot 31.9% (1996: 38.1%), bersamaan dengan RM2,834 juta. Kemerosotan nilai ringgit terhadap dolar AS memberikan kesan buruk kepada kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan. Bagi setiap 10% kemerosotan nilai ringgit, hutang luar Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat sebanyak RM550 juta.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Hutang Kerajaan Persekutuan dijangka menurun 2.1% kepada RM87,770 juta (33.5% daripada KNK) dalam tahun 1997 daripada RM89,681 juta (37.7% daripada KNK) dalam tahun 1996. Ini terutamanya disebabkan oleh kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang kukuh telah membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai operasinya sepenuhnya dan pada masa yang sama, membolehkannya melunaskan beberapa pinjaman yang mahal.

Hutang luar Kerajaan Persekutuan dijangka merosot 15.2% kepada RM8,881 juta atau 3.4% daripada KNK (1996: RM10,470 juta atau 4.4% daripada KNK), terutamanya disebabkan oleh program bayaran balik awal hutang yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM920 juta. Memandangkan kebanyakan pinjaman baru adalah dari pengeluaran pinjaman projek yang sedia ada dan pada masa yang sama beberapa pinjaman pasaran yang sedia ada telah dibayar balik awal, pinjaman pasaran merupakan komponen yang


Jadual 5.15

Hutang Kerajaan Persekutuan (RM juta)

Profil hutang	1996	% Sumbangan	1997	% Sumbangan
Hutang dalam Negeri	79,211	100.0	78,889	100.0
Bil Perbendaharaan	4,320	5.5	4,320	5.5
Sijil pelaburan	4,150	5.2	2,750	3.5
Sekuriti kerajaan	66,910	84.5	68,362	86.7
2 - 3 tahun	1,000		1,000	
4 - 5 tahun	4,600		4,600	
6 - 10 tahun	13,086		11,486	
11 - 15 tahun	13,750		13,450	
16 - 21 tahun	34,474		37,826	
Pinjaman Lain ¹	3,831	4.8	3,457	4.4
Hutang Luar Negeri	10,470	100.0	8,881	100.0
Pinjaman pasaran	5,159	49.3	4,511	50.8
Pinjaman projek	5,311	50.7	4,370	49.2
JUMLAH	89,681		87,770	

¹ Terutamanya pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan

Carta 5.10
Nisbah Khidmat Hutang Luar Negeri



Jumlah **hutang dalam negeri** dijangka merosot 0.4% kepada RM78,889 juta atau 30.1% daripada KNK, iaitu 90% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. SKM kekal sebagai penyumbang terbesar kepada hutang dalam negeri berjumlah RM68,362 juta (atau 86.7% daripada jumlah hutang dalam negeri), diikuti oleh Bil Perbendaharaan berjumlah RM4,320 juta (atau 5.5% daripada jumlah hutang dalam negeri). Lain-lain hutang dalam negeri terdiri daripada Sijil Pelaburan dan pinjaman untuk Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan yang merupakan 7.9% daripada jumlah hutang dalam negeri.

Kerajaan Persekutuan dijangka membelanjakan sebanyak RM12.7 bilion untuk **khidmat hutang (bayaran faedah dan bayaran balik pinjaman)**, iaitu berkurangan sebanyak 4.8% berbanding dengan tahun 1996. Daripada jumlah ini, 87.3% atau RM11 bilion dijangka digunakan untuk khidmat hutang dalam negeri sementara bakinya untuk hutang luar negeri. **Nisbah khidmat hutang** Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada kadar 0.6% dalam tahun 1997 (1996: 1.1%).

Tinjauan Tahun 1998

Tinjauan Keseluruhan

Dasar fiskal yang berhati-hati dan pengukuhan kedudukan kewangan sebagai sebahagian daripada strategi ekonomi makro untuk membendung tekanan permintaan dan harga akan terus dikekalkan pada tahun 1998. Disiplin fiskal dan perbelanjaan berhemat yang berterusan akan meletakkan asas yang kukuh bagi ekonomi untuk mengekalkan pertumbuhan dalam jangka panjang. Pelaburan awam secara terpilih adalah perlu bagi memperbaiki infrastruktur dan kemudahan lain yang penting dan membantu mempercepatkan peningkatan produktiviti dan kecekapan. Penekanan khusus akan terus diberikan kepada program-program yang akan menambah kemahiran, modal dan pembangunan teknologi bagi membantu usaha sektor swasta ke arah menjadikan Malaysia negara yang berdaya saing diperingkat antarabangsa. Sektor awam akan terus melaksanakan program pembaikan yang sedia ada dan memperkenalkan usaha-usaha baru bagi memperluaskan kualiti perkhidmatan yang disediakan kepada orang ramai. Walaupun penekanan akan diberi kepada pengawalan perbelanjaan mengurus supaya selaras dengan dasar fiskal berhemat, perbelanjaan pelaburan sektor awam akan mengambil kira kedudukan keseluruhan kewangan awam, kedudukan imbalan pembayaran dan keupayaan agensi-agensi untuk melaksanakan program-program pembangunan.

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan diramal mencatatkan lebih semasa yang besar berjumlah RM55,450 juta pada tahun 1998 atau 19.5% daripada KNK. Ini disumbangkan oleh lebih yang makin besar oleh sektor kerajaan yang dijangka meningkat 28.5%. Sebaliknya, lebih mengurus PABK dijangka meningkat dengan lebih kecil pada kadar 4.5% memandangkan kadar perbelanjaan mengurus dijangka meningkat lebih tinggi daripada hasil.

Jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka meningkat 6.5% kepada RM44,664 juta pada tahun 1998. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM21,400 juta atau 48% akan dibelanjakan oleh sektor kerajaan manakala 52% oleh PABK. Pertambahan perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan disebabkan anggaran yang lebih tinggi bagi perbelanjaan

pembangunan Kerajaan Persekutuan khususnya bagi projek-projek baru. Bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih besar diimbangi oleh pertambahan perbelanjaan modal PABK yang rendah. Dengan itu, kedudukan keseluruhan kewangan sektor awam akan mencatat lebihan yang tinggi iaitu RM10,786 juta atau 3.8% daripada KNK.

Kerajaan Persekutuan

Operasi belanjawan berhemat sejajar dengan keperluan untuk mengukuhkan asas-asas ekonomi makro serta prestasi hasil yang dijangka baik, akan membantu mengukuhkan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1998. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan diramal mencatatkan lebihan keseluruhan yang lebih besar sebanyak RM8,951 juta atau 3.2% daripada KNK berbanding dengan jangkaan RM5,066 juta pada tahun 1997. Hasil Persekutuan dijangka meningkat 7.6% kepada RM68,058 juta, berikutan jangkaan terimaan yang lebih tinggi daripada kedua-dua cukai langsung dan cukai tidak langsung serta hasil bukan cukai. Perbelanjaan mengurus¹ dijangka berkurangan 3% kepada RM42,766 juta berbanding dengan peningkatan 0.5% pada tahun 1997 disebabkan oleh keperluan untuk mengetatkan agregat fiskal. Kerajaan akan meningkatkan perbelanjaan pembangunan hanya secara terpilih bagi mengekalkan kemampanan pertumbuhan ekonomi. Prestasi hasil yang kukuh serta kemerosotan perbelanjaan mengurus membolehkan akaun semasa mencatatkan lebihan yang lebih besar berjumlah RM25,292 juta atau 8.9% daripada KNK. Perbelanjaan pembangunan kasar dijangka meningkat 13.9% kepada RM17,991 juta pada tahun 1998. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman yang dijangka sebanyak RM1,650 juta, perbelanjaan pembangunan bersih pada tahun 1998 diramal meningkat 15.6% kepada RM16,341 juta.

Perbelanjaan pembangunan pada tahun 1998 akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia dengan tujuan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing negara. Bagi mencapai matlamat ini, infrastruktur yang bersepadu dan sempurna serta rangkaian kemudahan yang baik

amat diperlukan. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, penekanan akan terus ditumpukan kepada penggunaan komputer dan teknologi maklumat. Di samping program pengkomputeran secara umum, kerajaan juga adalah penggerak utama Koridor Raya Multimedia, di mana salah satu daripada aplikasi perdana ialah Kerajaan Elektronik. Bagi tujuan ini, lima aplikasi perintis telah dikenal pasti. Ini termasuklah Pendaftaran Lesen Kenderaan dan Memandu dan Perkhidmatan Saman Secara Elektronik, Perolehan Melalui Elektronik, *Generic Office Environment*—Jabatan Perdana Menteri, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia dan Sistem Pengesanan Projek. Kualiti tenaga kerja akan terus ditingkatkan melalui program pembangunan sumber manusia sementara usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan akan terus diperluas. Selain daripada itu, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan kawasan luar bandar. Usaha-usaha bagi menggalakkan pembangunan masyarakat penyayang yang memiliki peribadi yang baik dan bertanggungjawab serta mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif akan terus dilaksanakan.

Hasil

Memandangkan ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh, hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1998, tidak termasuk implikasi perubahan cukai 1998, dijangka meningkat 7.6% kepada RM68,058 juta berbanding dengan pertambahan 8.6% pada tahun 1997. Pertumbuhan yang lebih kukuh ini adalah berpunca daripada hasil cukai dan bukan cukai. Secara amnya, jumlah kutipan hasil cukai dijangka berjumlah RM55,543 juta atau 81.6% daripada jumlah hasil. Daripada jumlah tersebut, kutipan daripada cukai langsung dianggarkan sebanyak RM31,456 juta atau 46.2% daripada jumlah hasil cukai sementara cukai tidak langsung dijangka sebanyak RM24,087 juta.

Pertumbuhan ekonomi yang masih tinggi serta pengutipan hasil yang lebih cekap dijangka menyumbang kepada kutipan hasil yang lebih tinggi pada tahun 1998. Kutipan daripada cukai pendapatan dianggar meningkat 6.8% kepada

¹ Tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, sumbangan kepada Kumpulan Wang Penjelas Hutang dan bayaran balik pinjaman.

RM28,236 juta daripada RM26,432 juta dalam tahun 1997. Daripada jumlah tersebut, RM17,950 juta atau 63.5% dijangka dikutip daripada cukai pendapatan syarikat sementara kutipan cukai pendapatan individu diramalkan sebanyak RM6,989 juta atau 24.7% daripada jumlah cukai pendapatan. Pertambahan cukai pendapatan individu pada tahun 1998 ialah 8.1% (1997: 4.8%). Ini disebabkan jangkaan pendapatan individu yang lebih tinggi berikutan ekonomi terus berada pada tahap guna tenaga penuh. Bagaimanapun, kutipan daripada cukai pendapatan petroleum dijangka lebih rendah iaitu RM3,147 juta berbanding dengan RM3,432 juta dalam tahun 1997. Kemerosotan tersebut berpunca daripada harga minyak mentah lebih rendah, merosot daripada US\$21.80 setong pada tahun 1996 kepada US\$20.50 setong pada tahun 1997 dan kepada US\$19.00 setong pada tahun 1998. Hasil daripada cukai langsung yang lain dijangka berjumlah RM3,220 juta iaitu 2.7% lebih tinggi daripada jumlah tahun 1997 iaitu sebanyak RM3,135 juta. Daripada jumlah tersebut, kutipan duti setem dijangka berjumlah RM2,670 juta berbanding dengan RM2,607 juta yang dijangka pada tahun 1997.

Hasil daripada duti eksport dijangka berkurangan kepada RM978 juta iaitu 2.1% lebih rendah daripada anggaran tahun 1997, dan kejatuhan ini adalah bagi semua kategori. Duti eksport **minyak mentah**, sektor kecil yang terbesar, iaitu 96.4% daripada jumlah duti eksport, dijangka berkurangan 1.9% kepada RM943 juta berbanding dengan RM961 juta pada tahun 1997 berikutan harga **petroleum** yang lebih rendah. Sebaliknya, kutipan daripada duti import pada tahun 1998 dianggarkan meningkat 3.8%. Kutipan daripada duti eksais dijangka lebih tinggi, meningkat 6% berbanding dengan 4.3% pada tahun 1997. Perkembangan kegiatan ekonomi yang berterusan dijangka mendorong pertambahan hasil daripada cukai jualan sebanyak RM6,669 juta, iaitu meningkat 7.8%.

Hasil bukan cukai meliputi dividen daripada PETRONAS, bayaran cukai jalan, lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, sewaan serta pulangan daripada jualan barang-barang diramal bertambah 13.9% kepada RM11,861 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,100 juta dijangka diperolehi daripada dividen PETRONAS. Bayaran cukai jalan, satu lagi penyumbang utama hasil bukan cukai, dijangka meningkat, walaupun pada kadar yang lebih rendah iaitu 6.4% berbanding

dengan 9.4% pada tahun 1997, memandangkan permintaan bagi kenderaan bermotor dijangka masih kukuh pada tahun 1998.

Peruntukan Mengurus

Selaras dengan objektif untuk memperkukuhkan kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan akan terus mengekalkan kawalan belanjawan yang ketat sebagai satu cara membendung pertambahan perbelanjaan mengurus. Sejumlah RM42,766 juta akan diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 1998, atau 3% lebih rendah berbanding dengan tahun 1997. Peruntukan bagi **emolumen** berjumlah RM14,743 juta atau 1.1% lebih rendah daripada belanjawan 1997 dan ianya masih merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus pada tahun 1998 iaitu 33.8%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM12,829 juta adalah untuk emolumen Kerajaan Persekutuan manakala RM1,914 juta untuk badan berkanun termasuk institusi pengajian tinggi. Peruntukan untuk emolumen adalah terutamanya untuk bayaran kenaikan gaji tahunan, mengisi kekosongan jawatan dan mewujudkan jawatan-jawatan baru dalam perkhidmatan perlu, khususnya pendidikan (3,082 jawatan baru untuk guru), kesihatan (6,186 jawatan baru), Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja (394 jawatan baru) dan Jabatan Imigresen (207 jawatan baru). Sebanyak 46% daripada jumlah peruntukan emolumen Kerajaan Persekutuan adalah untuk perkhidmatan pendidikan. Perkhidmatan beruniform seperti angkatan tentera, polis, kastam dan eksais, imigresen serta perkhidmatan kesihatan akan membelanjakan 38% daripada jumlah emolumen. Dengan demikian, 84% daripada emolumen Kerajaan Persekutuan adalah untuk dua kategori perkhidmatan tersebut.

Komponen yang kedua terbesar ialah **bekalan dan perkhidmatan** yang diperuntukkan sebanyak RM6,474 juta atau 2.6% lebih tinggi daripada perbelanjaan 1997. Jumlah ini termasuklah peruntukan tambahan yang disediakan sebagai sebahagian daripada program penyelenggaraan berjumlah RM2 bilion yang telah dimulakan pada tahun 1994. Pertambahan tersebut amat perlu untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dan sebahagian besar daripadanya adalah untuk penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan kecil serta untuk bayaran perkhidmatan. Peruntukan lain yang juga besar

di bawah kategori ini ialah untuk perolehan bahan-bahan guna pakai (consumable), bekalan bahan-bahan, sewaan, perhubungan dan utiliti yang diperlukan supaya jentera pentadbiran dan perkhidmatan Kerajaan lebih cekap.

Peruntukan bagi **bayaran khidmat hutang** berkurangan 6.5% kepada RM6,164 juta disebabkan bayaran faedah yang semakin rendah berikutan penurunan paras hutang dalam dan luar negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5,653 juta adalah untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri, sementara RM511 juta adalah untuk bayaran khidmat hutang luar negeri. Dengan itu, bayaran khidmat hutang merupakan 14% daripada perbelanjaan mengurus, iaitu nisbah yang paling rendah semenjak tahun 1978.

Peruntukan bagi **pencen dan ganjaran** akan meningkat 1.7% pada tahun 1998. Peruntukan bagi sumbangan tahunan kepada Tabung Amanah Pencen dikurangkan daripada RM820 juta pada tahun 1997 kepada RM742 juta pada tahun 1998. **Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri** dijangka bertambah sebanyak 6% kepada RM1,616 juta, disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih bagi pemberian penyelenggaraan jalan dan pemberian mengikut kiraan kepala. Peruntukan bagi **subsidi** dijangka berkurangan 4.2% kepada RM895 juta. Daripada jumlah tersebut, 55.9% adalah untuk subsidi keluaran petroleum dan harga padi.

Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus lain, yang merupakan 21.6% daripada jumlah peruntukan mengurus, dijangka berkurang 11.7%. Ini termasuklah pemberian kepada badan berkanun, biasiswa dan bantuan pelajaran, pembelian aset, pemberian mengurus kepada sekolah rendah dan menengah dan juga untuk bayaran balik dan hapuskira. Pembelian **aset** akan diberi peruntukan iaitu sebanyak RM837 juta. Peruntukan tersebut adalah untuk pembelian peralatan komputer, mesin dan kelengkapan untuk sekolah-sekolah dan untuk angkatan tentera. Pemberian kepada badan berkanun dijangka meningkat 6% kepada RM1,819 juta walaupun beberapa agensi kerajaan seperti JENGKA, DARA dan KEJORA telah dibubarkan sementara FELCRA dan Akademi Laut telah diperbadankan. Selain daripada itu, peruntukan bagi institusi pengajian tinggi meningkat sebanyak RM123 juta pada tahun 1998 bertujuan untuk memulakan operasi beberapa kampus baru serta untuk menampung kos

pentadbiran permulaan berikutan langkah memperbadankan Universiti Malaya dan Hospital Universiti. Peruntukan bagi biasiswa dan bantuan pelajaran dijangka berjumlah RM702 juta sementara pemberian mengurus untuk sekolah rendah dan menengah dijangka meningkat 13.1% kepada RM757 juta. Sejumlah RM119 juta akan diperuntukkan kepada program sekolah bistari dan sejumlah RM100 juta untuk Tabung Pusingan bagi pinjaman pembelian komputer dan kenderaan untuk guru.

Dari segi peruntukan mengikut sektor, **perkhidmatan sosial** dijangka terus merupakan sektor terbesar pada tahun 1998 dengan peruntukan sebanyak RM15,373 juta atau 35.9% daripada jumlah peruntukan mengurus. Peruntukan tersebut dijangka meningkat 4%, disebabkan peruntukan yang lebih besar bagi pendidikan. Peruntukan bagi sektor **keselamatan** dijangka berjumlah RM6,253 juta atau 14.6% daripada jumlah peruntukan mengurus. **Pentadbiran am**, yang merupakan 11.1% daripada jumlah peruntukan akan terus menjadi sektor ketiga terbesar sementara peruntukan bagi sektor **ekonomi** dijangka berjumlah RM4,039 juta atau 9.5% daripada jumlah peruntukan.

Peruntukan Pembangunan

Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 1998 berjumlah RM17,991 juta atau pertambahan 13.9%. Peruntukan bagi sektor **perkhidmatan ekonomi** ialah RM8,828 juta dan terus merupakan sektor yang paling besar iaitu 49.1% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Sebanyak RM6,005 juta atau 68% daripada jumlah peruntukan untuk sektor ini akan digunakan bagi projek-projek infrastruktur. Peruntukan bagi sektor kecil pengangkutan ialah RM4,800 juta, dimana RM4,170 juta adalah untuk jalan dan jambatan dan RM293 juta untuk pengangkutan keretapi. Bagi mempercepatkan lagi pembinaan untuk memenuhi keperluan infrastruktur, lebih banyak projek akan dilaksanakan melalui penswastaan. Ini termasuklah Lebuhraya Gemas-Pasir Gudang-Johor Bahru, Kuala Lumpur-Rawang, Lebuhraya Koridor Pandan dan Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur. Keutamaan juga terus dijuruskan ke arah mempertingkatkan kemudahan awam. Bagi tujuan tersebut, sebanyak RM1,189 juta disediakan untuk bekalan elektrik dan air terutamanya di kawasan luar bandar.

Pertanian dan pembangunan luar bandar masih menjadi keutamaan di bawah sektor perkhidmatan ekonomi dan diperuntukkan sebanyak RM1,262 juta atau 14.3% daripada peruntukan sektor tersebut. Peruntukan bagi projek pembangunan pertanian bersepadu, perikanan dan perhutanan berjumlah RM403 juta manakala RM119 juta adalah untuk penanaman semula getah. Di sektor pertanian, tumpuan pembangunan akan diberi kepada bidang yang kita mempunyai kelebihan bersaing dan yang menawarkan pulangan ekonomi lebih tinggi.

Program perdagangan dan perindustrian diperuntukkan sebanyak RM1,532 juta atau 17.3% daripada sektor perkhidmatan ekonomi. Peruntukan tersebut akan menyokong usaha-usaha sektor swasta meluaskan daya saing industri negara. Sehubungan dengan ini, penekanan yang lebih akan diberikan kepada pembangunan dan perolehan teknologi, memperdagangkan hasil penyelidikan dan pembangunan dan mempertingkatkan infrastruktur perindustrian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM578 juta atau 37.7% akan dibelanjakan untuk pembangunan perindustrian, manakala RM740 juta adalah untuk penyelidikan perindustrian.

Peruntukan berjumlah RM5,890 juta telah disediakan untuk sektor **perkhidmatan sosial**. Sebanyak RM2,485 juta akan dibelanjakan untuk pembinaan dan menaik taraf sekolah rendah dan menengah, politeknik, maktab perguruan dan kampus institut pengajian tinggi. Di samping itu, sejumlah RM192 juta akan dibelanjakan untuk pembinaan institut latihan perindustrian baru dan menaik taraf institut yang sedia ada. Ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk

menggalakkan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga mahir yang diperlukan oleh negara. Peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan akan ditingkatkan dengan kadar 42.6% kepada RM743 juta. Peruntukan yang lebih besar ini adalah untuk pembinaan hospital baru, menaik taraf pusat-pusat kesihatan dan klinik luar bandar dan untuk meningkatkan kemudahan perubatan di hospital-hospital kerajaan. Peruntukan bagi perumahan pula berjumlah RM750 juta. Sebanyak RM320 juta akan dibelanjakan untuk projek perumahan angkatan tentera, polis dan rumah kakitangan kerajaan yang berkhidmat di KLIA. Sejumlah RM148 juta adalah untuk perumahan kos rendah sementara RM90 juta adalah untuk pembinaan rumah guru. Sebanyak RM522 juta akan dibelanjakan untuk program kebudayaan, belia dan sukan, dimana sejumlah RM285 juta adalah untuk Sukan Komanwel 1998. Sejumlah RM801 juta pula diperuntukkan kepada projek-projek sosial dan kebajikan yang lain.

Peruntukan bagi sektor **keselamatan** dijangka berjumlah RM2,433 juta, merosot 2.6%. 83% daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk perbelanjaan pertahanan bagi menaik taraf dan memodenkan kelengkapan. Bakinya adalah untuk keselamatan dalam negeri, khususnya untuk projek-projek Polis Diraja Malaysia seperti pembinaan balai-balai polis baru.

Peruntukan bagi **pentadbiran am** berjumlah RM840 juta atau 4.7% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Sejumlah RM150 juta akan dibelanjakan untuk program kerajaan elektronik manakala sebanyak RM198 juta untuk teknologi maklumat. Bakinya adalah untuk penyenggaraan bangunan dan untuk sektor luar negeri.